

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

585 bebuli vaksin dikembali

Pihak Pfizer akan menggantikan semula bilangan dos rosak

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Rembau: Sebanyak 585 bebuli vaksin daripada lebih 500,000 dos vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech yang diterima Malaysia, dikembalikan kepada syarikat pengeluar itu selepas didapati mengalami kerosakan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin, berkata vaksin berkenaan didapati tidak berada dalam suhu sepatutnya ketika dalam proses penghantaran dari kilang di Belgium ke Malaysia.

"Ketika dalam perjalanan dari Belgium ke Malaysia, suhu penyimpanan meningkat daripada negatif 70 darjah Celsius kepada suhu yang tidak diterima oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM).

"Bagaimanapun, kerosakan bebuli itu adalah dalam kuantiti kecil dan pihak Pfizer akan mengganti semula bilangan dos yang dihantar pulang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin, Klinik Kesihatan Rembau di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chempong, Datuk Zaifulbahri Idris



Khairy (kiri) meninjau persediaan pemberian suntikan di Pusat Pemberian Vaksin, Klinik Kesihatan Rembau, semalam. (Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNNNS), Datin Dr Harlina Abdul Rashid.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata tiada kes kesihatan serius membabitkan penerima vaksin dilaporkan setakat ini, melainkan alahan kecil.

Beliau berkata, kebanyakan kes itu dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Setakat ini, katanya, kira-kira 150,000 individu terutama membabitkan petugas barisan hadapan sudah menerima suntikan

vaksin dalam fasa pertama.

"Proses suntikan vaksin fasa pertama ketika ini tidak perlu dipercepatkan kerana kadar sedia ada dianggap terbaik, selain bergantung kepada penjadualan penghantaran dos daripada pembekal.

"Jika jadual penghantaran vaksin dapat dibuat sepenuhnya pada Mac seperti dijanjikan pembekal, maka pada akhir bulan ini kita dapat selesaikan sekurang-kurangnya dos pertama kepada penerima yang tersenarai fasa pertama.

"Namun jika ada kelewatan daripada Pfizer, sudah tentu ia akan berganjak ke April," katanya.

Khairy yang juga Ahli Parlimen Rembau menegaskan, pemberian suntikan fasa ketiga dijangka boleh mencecah 150,000 sehari jika pusat imunisasi membabitkan stadium dan dewan orang ramai beroperasi.

Buat masa ini, katanya, apa yang perlu diselesaikan ialah petugas barisan hadapan.

Beliau berkata, vaksin Sinovac keluaran China dijadual tiba di negara ini, Isnin depan.

Pemberian suntikan 29,560 dos sehari

Kuala Lumpur: Kadar pemberian vaksin harian di negara ini meningkat kepada 29,560 dos sehari setakat kelmarin, 14 hari selepas Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dilancarkan pada 24 Februari lalu.

Menurut data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), sejumlah 195,923 dos pertama vaksin Pfizer-BioNTech sudah diberikan kepada petugas barisan hadapan setakat kelmarin, berbanding 166,363 Isnin lalu.

Berdasarkan kapasiti pemberian vaksin harian semasa, sasaran menyuntik 500,000 petugas barisan hadapan dalam fasa satu PICK mampu dicapai dalam tempoh 17 hari lagi atau lebih awal jika kadar itu ditingkatkan selaras sasaran kerajaan.

Data yang dikongsi Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah hari ini turut menunjukkan Sarawak kekal sebagai negeri paling banyak menyuntik vaksin itu dengan 27,500 dos setakat kelmarin.

Sarawak adalah satu-satunya negeri yang sudah memberikan lebih 20,000 dos vaksin disusuli Selangor (19,251), Kuala Lumpur (16,987), Pahang (16,342), Sabah (16,245), Perak (15,881), Johor (15,843) dan Kelantan (14,185).

Kedah pula sudah mengagihkan 11,638 dos disusuli Terengganu (11,261), Negeri Sembilan (8,385), Pulau Pinang (7,781), Melaka (5,365), Perlis (4,158), Putrajaya (2,941) dan Labuan (2,260).

Program bermula pada 24 Februari lalu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi individu pertama di Malaysia diberi suntikan vaksin COVID-19.

Ketika ini, Malaysia memberikan vaksin keluaran Pfizer-BioNTech, iaitu vaksin pertama yang tiba di negara ini pada 21 Februari lalu, sebelum vaksin keluaran Sinovac dari China tiba pada 27 Februari.

Sebelum ini, Kumpulan Pharmacia Bhd, Datuk Zulkarnain Md Eusope dilaporkan berkata, vaksin Sinovac dijangka mula diedaran bulan depan.

Selepas Fasa Satu, program yang dijadualkan sehingga bulan depan selesai, Fasa Dua akan bermula antara April hingga Ogos depan, untuk memberi vaksin kepada kira-kira 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas dan golongan berisiko tinggi.

1,448 kes baharu, 5 kematian semalam

Putrajaya: Sebanyak 1,448 kes COVID-19 dilaporkan semalam, dengan 10 kes dikesan mendapat jangkitan dari luar negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 317,717 kes.

Katanya, Selangor kekal mencatatkan pertambahan kes harian tertinggi dengan 561 kes, diikuti Johor (273) dan Sarawak 199 kes.

"Sehingga kini jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitann COVID-19 ialah sebanyak 18,010 kes dan daripada jumlah ini 151 kes sedang dirawat di Unit Ra-

watan Rapi (ICU) manakala 72 kes memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan terdapat lima kes kematian baharu membabitkan pesakit berusia antara 43 hingga 72 tahun dan mempunyai pelbagai penyakit kronik menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 1,191 kes.

Beliau turut memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari pihaknya merekodkan sebanyak 2,147 kes sembuh daripada COVID-19.

Ia menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 sebanyak

298,516 kes bersamaan 93.96 peratus daripada jumlah keseluruhan kes di negara ini.

Dr Noor Hisham berkata, lima kluster baharu dilaporkan semalam, masing-masing dua kluster di tempat kerja dan dalam kalangan komuniti, manakala satu kluster membabitkan kes import.

"Kluster yang dikesan dalam kalangan kes import ini dikenali sebagai Kluster Pona membabitkan daerah Johor Bahru.

"Kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 hari ini (semalam) hasil saringan sebelum ke luar negara yang melibatkan kru sebuah kapal kargo yang berlabuh di Pelabuhan Tan-

jung Pelepas, Johor Bahru pada 6 Mac lalu.

"Kapal kargo ini mempunyai sejarah perjalanan dari Surabaya, Indonesia dan sehingga kini kluster berkenaan sudah menjangkiti lapan individu," katanya.

Mengenai kluster lain, Dr Noor Hisham berkata Kluster Sungai Puteh dikesan di Hulu Langat dan kini menjangkiti 21 kes.

"Turut dikesan ialah Kluster Dagang Permai (Hulu Langat) menjangkiti 16 kes; Kluster Parit Penyengat Darat (Muar) menjangkiti 124 kes serta Kluster Melor (Pusa, Sarawak) menjangkiti 14 kes," katanya.

Terkini COVID-19 2,137 pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 1,448 kes baharu disahkan, semalam | 1,191 jumlah kematian dicatat | 317,717 jumlah kes disahkan positif | 18,010 kes yang masih dirawat